

KUALA LUMPUR, 9 APRIL (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI SOAL KERAJAAN MENYEKAT PERLUASAN EKONOMI TIDAK TIMBUL, KERANA SEKATAN SEPERTI ITU AKAN HANYA MEMBAWA KEPADA KEGAGALAN DASAR EKONOMI BARU (DEB).

BELIAU BERKATA DEP BUKANNYA SATU IMPIAN YANG BODOH, TETAPI KEJAYAANNYA MESTILAH BERGANTUNG KEPADA PERLUASAN EKONOMI.

KATANYA, +SEKIRANYA KERAJAAN MENYEKAT PERLUASAN EKONOMI, MAKA DEB AKAN GAGAL.

+OLEH YANG DEMIKIAN TINDAKLAH WAJAR BAGI KERAJAAN MENGADAKAN SYARAT-SYARAT YANG MENYEKAT PERLUASAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, + TEGASNYA KETIKA MERASMIKAN PERSIDANGAN EKONOMI

CHINA MALAYSIA DISINI HARI INI.

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI ITU TELAH DISAMPAIKAN OLEH TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, DATUK LIEW SIP HON.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERKATA, RAKYAT YANG DULUNYA TIDAK MENDAPAT FAEDAH DARIPADA PERTUMBUHAN EKONOMI, MUNGKIN AKAN BERPELUANG MENDAPATKANNYA SEKARANG DENGAN PERLUASAN EKONOMI ITU DAN DISAMPING ITU MEREKA YANG TELAH PUN MENDAPATNYA BUKAN SAJA AKAN TERUS KEKAL MEMEGANGNYA BAHKAN AKAN MENAMBAHNYA LAGI. — BERSAMBUNG 1307/SZ

MAHATHIR-DEB 2 KUALA LUMPUR

34

BELIAU BERKATA, HALANGAN YANG TUNGGAL BAGI MENCAPAI TUJUAN INI IALAH KELEMAHAN MANUSIA SENDIRI.

KATANYA, +TERLAMPAU RAMAI ORANG YANG SANGGUP MENDENGAR HUJAH-HUJAH YANG MENDESAK MENURUT EMOSI MASING-MASING DARIPADA YANG SANGGUP MENERIMA KENYATAAN. +

BELIAU BERKATA, MALAYSIA ADALAH SEBUAH NEGARA BERBILANG KAUM DAN HASIL DARI DASAR-DASAR DI MASA YANG LAMPAU RAKYAT TELAH BERPECAH BELAH DAN BERTENTANGAN PENDAPAT ANTARA SATU KAUM DENGAN YANG LAINYA.

+HANYA SATU JALAN BAGI KITA MENGHAPUSKAN HALANGAN-HALANGAN TERSEBUT IA TU DENGAN MENYUSUN SEMULA MASYARAKAT.

+OLEH YANG DEMIKIAN TUJUAN DEB IALAH UNTUK MENGHAPUSKAN KEMISKINAN DAN MENYUSUN SEMULA MASYARAKAT SUPAYA FUNGSI-FUNGSI EKONOMI TIDAK LAGI DIKENALI DENGAN SESUATU KAUM. —BERSAMBUNG

MAHATHIR - DEB 3 KUALA LUMPUR

BELIAU MEMEKANKAN BAHWA APA YANG DIPERLUKAN IALAH PENERIMAAN DASAR INI DAN PENYESUAIAN DIRI OLEH SETIAP ORANG DAN SETIAP KAUM TERHADAPNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, DI LAIN-LAIN NEGARA DASAR-DASAR YANG LEBIH BURUK TELAH DIKENAKAN DAN OLEH KERANA TIDAK ADA JALAN BAGI MENETANG DASAR-DASAR INI, RAKYAT TELAH MENERIMA DAN MENYESUAIKAN DIRI MEREKA DENGAN DASAR-DASAR ITU.

KATANYA, +TIDAK ADA SEBAB MENGAPA RAKYAT DI NEGARA YANG KAYA RAYA INI LAGI MEMPUNYAI BANYAK PELUANG, TIDAK DAPAT BERBUAT SEDEMIKIAN SEPERTI YANG MEREKA TERPAKSA BERBUAT SEKIRANYA MEREKA ITU BERADA DI NEGARA-NEGARA YANG KURANG DEMOKRATIK. +

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, DISUATU MASA DULU DUNIA PERNIAGAAN MALAYSIA TELAH TERBAHAGI KEPADA BEBERAPA KELOMPOK YANG TIDAK DAPAT DITEMBUSI.

TETAPI, SEKARANG INI DASAR KERAJAAN TELAH MENGUPAH SEGALANYA.

BELIAU BERKATA, +SEKIRANYA KITA MELIHAT SEKELILING, KITA AKAN LIHAT SYARIKAT-SYARIKAT YANG TELAH MEMECAH TRADISI PERKAUMAN INI TELAH TIDAK GAGAL, SEBALIKNYA MEREKA TELAH BERJAYA DENGAN PAIKNYA. —BERSAMBUNG 1422/MD

MAHATHIR-DEB 4 KUALA LUMPUR

KATANYA, +HARI INI, SYARIKAT-SYARIKAT EROPAH YANG BESAR BUKAN SAJA MEMPUNYAI PEGAWAI-PEGAWAI EKSEKUTIF MALAYSIA DI SEMUA PERINGKAT, TETAPI SETENGAHNYA PULA SEBAHAGIAN DARIPADANYA TELAH DIMILIKI OLEH RAKYAT MALAYSIA.

+SYARIKAT-SYARIKAT KELUARGA CHINA PUN TELAH DIJADIKAN SYARIKAT-SYARIKAT +PUBLIC LIMITED+ DAN MENGAMBIL PEKERJA-PEKERJA BUKAN CHINA DAN SYARIKAT-SYARIKAT TERSEBUT TIDAK MENDERITA KERUGIAN BAHKAN TELAH MENJADI SYARIKAT-SYARIKAT BESAR YANG MENJALANKAN PERUSAHAAN PENANSAHAN DAN PEKILANGAN.

+INI SEMUA TIDAK DAPAT BERLAKU JIKA TIDAK KERANA DASAR KERAJAAN ITI, + TEGASNYA.

DATUK SRI DR. MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA APA YANG LEBIH PENTING IALAH KEJAYAAN SYARIKAT-SYARIKAT INI TELAH MENOLAK DAKWAAN-DAKWAAN KONONGNYA SESUATU PERNIAGAAN ITU HANYA DAPAT DIJALANKAN SECARA KELUARGA, PERNIAGAAN MESTILAH BERASASKAN SESUATU YANG TERTENTU DAN SETENGAH KAUM TIDAK BOLEH BERJAYA DALAM PERNIAGAAN.

-BERSAMBUNG 1453/MD

MAHATHIR-DEB 5 KUALA LUMPUR

DATUK DR. SRI MAHATHIR JUGA BERKATA ADALAH SANGAT MENDUKA-CITAKAN BAHAWA PENENTANGAN KEPADA DASAR KERAJAAN ITU ADA KALANYA TELAH MENGAKIBATKAN PERCUBAAN MENGHALANG KEMPER KERAJAAN BAGI MENDAPATKAN LEBIH BANYAK PELABURAN SYARIKAT-SYARIKAT ASING DI NEGERA INI.

KATANYA, SEBENARNYA DENGAN BERKURANGANNYA PELABURAN ASING, YANG AKAN RUGI IALAH MEREKA YANG MENGHALANG NIAT BAIK KERAJAAN ITU.

INI IALAH KERANA SEMUA PELABURAN ASING MESTILAH MEMBERI FAEDAH KEPADA PERNIAGAAN TEMPATAN SAMA ADA SECARA USAHASAMA, PEMBINAAN, KONTREK PEMBEKALAN ATAU PELUANG-PELUANG PEKERJAAN.

ADALAH JELAS BAHAWA MEREKA YANG AKAN MENDAPAT FAEDAH IALAH MEREKA YANG BERSEDIA DAN DAPAT MEMENUHI KEPERLUAN-KEPERLUAN PELABUR-PELABUR ASING INI.

BELIAU BERKATA, KERAJAAN BERMINAT DALAM PELABURAN BUKANNYA KERANA CUKAI YANG AKAN DIPEROLEHINYA TETAPI IALAH UNTUK MENGADAKAN PELUANG-PELUANG PEKERJAAN BAGI RAKYAT SUPAYA DAPAT MENGEKALKAN KESTABILAN POLITIK DAN EKONOMI.

DATUK SRI DR. MAHATHIR MENEKANKAN BAHAWA SETIAP ORANG PERLU BERFIKIR DENGAN CERMAT DAN MEMBUAT PENILAIAN YANG BETUL BERASASKAN KEPADA KEBENARAN DAN KENYATAAN. --BERSAMBUNG 1515/MD

MAHATHIR-DEB 6 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA, KAJIAN-KAJIAN HENDAKLAH DIBUAT TENTANG BAGAIMANA HENDAK MENDAPATKAN LEBIH BANYAK FAEDAH DARI DASAR-DASAR KERAJAAN ITU, BUKANNYA MENGEKAMNYA.

BELIAU JUGA MENJELASKAN, OLEH KERANA KERAJAAN MALAYSIA ADALAH SEBUAH KERAJAAN DEMOKRASI, IA AKAN MENJERAT DIRI SEKIRANYA IA MEMILIH KASIH DAN MELINDUNGI SATU KAUM SAJA.

BELIAU MENAMBAH, +SEKIRANYA IA INGIN KEKAL, IA MESTILAH ADIL KEPADA SETIAP ORANG SEBERAPA YANG BOLEH.+

+BAGAIMANAPUN, TERDAPAT ORANG-ORANG DALAM SETIAP GOLONGAN MASYARAKAT YANG ENGGAN MELIHAT KEPERLUAN KERAJAAN UNTUK BERLAKU ADIL KEPADA SEMUA.

+MEREKA SENTIASA MENGGESA KERAJAAN SUPAYA MELAYANI KEHENDAK MEREKA SAJA, UNTUK MENDAPATKAN SOKONGAN MEREKA MENGAITKAN MASALAH-MASALAH MEREKA SENDIRI DENGAN MASALAH MASYARAKAT.+

BELIAU MEMBERI AMARAN BAHAWA ORANG-ORANG INI ADALAH MENJADI SATU BAHAYA KEPADA KESEJAHTERAAN MALAYSIA.

KATANYA, +SEKIRANYA KITA LAYANI MEREKA, MAKA KESTABILAN POLITIK DAN EKONOMI MALAYSIA AKAN HANCUR LEBUR.

+DAN APABILA INI BERLAKU, KESEMUA KITA AKAN MENDERITA KELAK.+  
--BERSAMBUNG 1543/MD

MAHATHIR - DEB 7 KUALA LUMPUR

TERDAHULU DARI ITU, DATUK WONG TOK CHAI, PENERUS JAWATAN-KUASA PENGANJUR PERSIDANGAN ITU BERKATA, TEKANAN YANG TERLALU BESAR TERHADAP KEPENTINGAN BUMIPUTERA DI BAWAH DASAR EKONOMI BARU TELAH MENGECEWAKAN BUKAN BUMIPUTERA.

KATANYA, KAMI MENYOKONG USAHA-USAHA BAGI MENGUKUKAN TARAF EKONOMI BUMIPUTERA, TETAPI KAMI PERCAYA BAHAWA DALAM PROSES MENCAPAI PENYERTAAN BUMIPUTERA ITU, PEMBANGUNAN EKONOMI LAIN-LAIN KAUM

HENDAKLAH JANGAN DIKORBANKAN ATAU DIHALANG.

DATUK WONG BERHARAP PERSIDANGAN ITU AKAN DAPAT MENGUMUKAKAN MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH MASYARAKAT CHINA SUPAYA DAPAT DIFAHAMI SEPENUHNYA OLEH KERAJAAN.

BEIAU JUGA BERHARAP PERSIDANGAN ITU AKAN MENCAPAI KEPUTUSAN-KEPUTUSAN YANG MEMBOLEHKAN MASYARAKAT CHINA MEMAINKAN PERANAN YANG LEBIH BERETI KEARAH PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA INI.

KIRA-KIRA 800 ORANG PERWAKILAN MENYERTAI PERSIDANGAN ITU YANG DIANJURKAN OLEH DEWAN PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN CHINA BERSEKUTU. —BERNAMA 1547/MD